



**ELEMEN *HIFZ AL-NASL* DALAM AGIHAN ZAKAT DI NEGERI  
KEDAH: ANALISIS BERDASARKAN *MAQASID AL-SYARIAH***

**THE ELEMENT OF *HIFZ AL-NASL* IN ZAKAT DISTRIBUTION IN  
KEDAH: AN ANALYSIS BASED ON *MAQASID AL-SHARIAH***

NOR HAYATI BINTI MD DAHLAL

(Corresponding Author)

Kulliyah Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul  
Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS).

Email: [shibah850@gmail.com](mailto:shibah850@gmail.com)

ROHANI BINTI DESA

Kulliyah Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul  
Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS).

Email: [rohanidesa@unishams.edu.my](mailto:rohanidesa@unishams.edu.my)

A PEER-REVIEWED ARTICLE

(RECEIVED – 29<sup>TH</sup> OCT. 2025; REVISED – 2<sup>ND</sup> MAR. 2026; ACCEPTED – 2<sup>ND</sup> MAR. 2026)

**ABSTRAK**

Artikel ini membincangkan elemen *hifz al-Nasl* dalam agihan zakat di negeri Kedah berdasarkan kerangka *maqasid al-Syariah*. Pemeliharaan keturunan merupakan salah satu daripada objektif utama syariah yang menekankan kepentingan menjaga maruah, kelangsungan hidup berkeluarga, pendidikan anak-anak serta perlindungan institusi kekeluargaan daripada keruntuhan. Artikel ini bertujuan meneliti bagaimana skim-skim agihan zakat yang dilaksanakan oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) dapat menyumbang ke arah pemeliharaan keturunan golongan asnaf. Pendekatan kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui analisis dokumen dasar dan laporan tahunan zakat. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelbagai skim agihan zakat seperti bantuan pendidikan anak-anak asnaf, bantuan perkahwinan, bantuan keluarga miskin serta sokongan kebajikan anak yatim, secara langsung menyumbang kepada pemeliharaan keturunan dalam bentuk menjaga kelangsungan institusi keluarga, mencegah keruntuhan moral dan memastikan kesinambungan generasi yang berdaya saing. Walau bagaimanapun, terdapat kekangan dari sudut keberkesanan

pelaksanaan, termasuk isu birokrasi, ketidaksamarataan agihan dan kekangan dana yang kadangkala mengehendkan keberlangsungan program jangka panjang.

**Kata Kunci:** *Hifẓ al-Nasl*, *Maqasid al-Shariah*, agihan zakat, Kedah, institusi keluarga.

### ABSTRACT

This article discusses the element of *hifẓ al-nasl* (preservation of lineage) in zakat distribution in the state of Kedah based on the framework of *maqasid al-Shariah*. The preservation of lineage is one of the primary objectives of Islamic law, emphasizing the importance of safeguarding dignity, sustaining family life, ensuring children's education, and protecting the family institution from collapse. The article aims to examine how the zakat distribution schemes implemented by the Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) contribute to the preservation of lineage among the asnaf (eligible zakat recipients). The study adopts a qualitative approach through the analysis of policy documents and annual zakat reports. The findings indicate that various zakat distribution schemes such as educational assistance for the children of asnaf, marriage assistance, aid for poor families, and welfare support for orphans directly contribute to the preservation of lineage by sustaining family institutions, preventing moral decline, and ensuring the continuity of a competitive and capable future generation. However, the study also identifies several constraints affecting implementation effectiveness, including bureaucratic challenges, unequal distribution, and financial limitations that sometimes restrict the sustainability of long-term programs.

**Keywords:** *Hifẓ al-Nasl*, *Maqasid al-Shariah*, Zakat distribution, Kedah, Family institution

### PENDAHULUAN

Zakat merupakan salah satu instrumen utama dalam sistem ekonomi Islam yang berperanan bukan sahaja sebagai ibadah kewangan bahkan juga sebagai mekanisme sosial untuk menjamin keadilan dan kesejahteraan umat (Al-Syatibi,t,t; Norly Marlia,2024; Teh Suhaila,2016). Di Malaysia, pengurusan zakat adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, termasuk Negeri Kedah yang menyalurkan dana zakat melalui Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) kepada lapan golongan asnaf yang berhak.(LZNK,2018). Keberkesanan agihan zakat tidak hanya dinilai dari sudut pematuhan hukum (Muhammad Ridhwan, 2021)

tetapi juga sejauh mana ia menepati objektif *maqasid al-Syariah* yang menjadi teras kepada pelaksanaan syariat Islam (Rohani,2024).

Salah satu objektif utama *maqasid al-Syariah* ialah *hifz al-Nasl* (pemeliharaan keturunan) yang menekankan kepentingan menjaga institusi kekeluargaan, melindungi maruah, mendidik anak-anak serta memastikan kelangsungan generasi yang berakhlak dan berdaya saing (M.Umer Chapra, 2008). Pemeliharaan keturunan bukan sahaja berkait rapat dengan perlindungan daripada keruntuhan moral dan sosial bahkan turut merangkumi usaha menyediakan keperluan asas keluarga seperti pendidikan, perkahwinan, kebajikan anak yatim dan penjagaan keluarga miskin (Zulkifli,2018). Oleh itu, agihan zakat berperanan penting dalam menyokong pembinaan keluarga sejahtera yang menjadi asas kekuatan masyarakat Islam (Alias,2012).

Dalam konteks negeri Kedah, pelbagai skim bantuan zakat telah diwujudkan bagi memenuhi tuntutan *hifz al-Nasl*. Antaranya bantuan pendidikan untuk anak-anak asnaf, bantuan perkahwinan bagi pasangan berpendapatan rendah, bantuan kebajikan anak yatim serta sokongan keluarga miskin (LZNK,2018). Namun, timbul persoalan sejauh mana skim-skim ini benar-benar menepati roh *maqasid al-Syariah* dalam memastikan kesinambungan dan kelangsungan institusi keluarga. Hal ini penting kerana cabaran semasa seperti kos sara hidup yang meningkat, masalah sosial dalam kalangan remaja serta keruntuhan institusi kekeluargaan menuntut agar agihan zakat dirancang secara lebih sistematik dan menyeluruh. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan meneliti bagaimana elemen *hifz al-Nasl* diaplikasikan dalam agihan zakat di negeri Kedah. Kajian ini akan menganalisis skim bantuan yang berkaitan dengan pembangunan keluarga dan keturunan serta mengenal pasti instrumen pemeliharaan keturunan dapat diperkasakan selaras dengan matlamat *maqasid al-Syariah*.

## SOROTAN LITERATUR

Konsep *hifz al-Nasl* merupakan salah satu prinsip penting dalam *maqasid al-Syariah* yang menekankan pemeliharaan keturunan, institusi keluarga serta kesejahteraan generasi masa depan (Al-Ghazali,1993). Dalam konteks pembangunan sosial Islam, pemeliharaan keturunan bukan sahaja melibatkan aspek moral dan perkahwinan malah turut merangkumi pendidikan, kebajikan keluarga serta pembangunan sosial masyarakat (Al-Syatibi,1997). Kajian-kajian mutakhir menunjukkan bahawa zakat memainkan peranan penting dalam menyokong pembangunan keluarga dan generasi masa hadapan. Kajian oleh Halim dan Noor Azizi menunjukkan bahawa agihan zakat kepada golongan asnaf dalam bidang pendidikan mampu meningkatkan tahap pendidikan serta memperkasakan

kedudukan sosial mereka selaras dengan kerangka *maqasid al-Syariah*. (Ismail,2022).

Selain itu, bantuan pendidikan melalui institusi zakat turut memberi kesan kepada pembangunan modal insan dalam kalangan pelajar asnaf (Muhammad Saiful,2022). Kajian kes di Kedah mendapati bahawa bantuan input pendidikan yang disalurkan oleh institusi zakat membantu meningkatkan pencapaian pendidikan pelajar asnaf serta memberi peluang pendidikan yang lebih seimbang (Rohani,2023). Dalam konteks yang lebih luas, institusi zakat juga dilihat berperanan meningkatkan kualiti hidup masyarakat melalui program pendidikan dan pembangunan sosial (Nurul Azma,2022).

Bantuan zakat membantu golongan asnaf keluar daripada kitaran kemiskinan dan memperbaiki kesejahteraan hidup mereka melalui pembangunan pendidikan. Kajian yang lebih terkini turut menilai keberkesanan pengurusan dan agihan zakat (Humam,2004; Ahamd Fauzee,2004; Dziauddin,2003; Muhammad Yamin,2007; Mahayudin,2001). Penyelidikan mengenai pengurusan zakat di beberapa negara termasuk Malaysia menunjukkan bahawa tadbir urus yang baik memainkan peranan penting dalam memastikan bantuan sampai kepada golongan sasaran secara lebih berkesan (Mukhlisin, 2024).

Selain itu, kajian terhadap penerima zakat dalam institusi pendidikan juga menunjukkan bahawa dasar agihan zakat memberi kesan kepada kesejahteraan ekonomi pelajar dan membantu mereka meneruskan pengajian (Rafidah,2024). Walau bagaimanapun, kajian tersebut turut menekankan bahawa terdapat kumpulan yang masih tercicir dan memerlukan penambahbaikan dalam sistem agihan zakat. Di samping itu, bantuan zakat dalam aspek perumahan dan kesejahteraan hidup turut memberi kesan positif kepada perkembangan pendidikan anak-anak asnaf sekali gus menyokong pembentukan generasi yang lebih stabil dari segi sosial dan ekonomi.

Secara keseluruhannya, kajian-kajian terkini menunjukkan bahawa agihan zakat mempunyai potensi besar dalam menyokong pemeliharaan institusi keluarga, pendidikan anak-anak serta pembangunan generasi masa hadapan. Namun demikian, beberapa kajian juga menunjukkan bahawa isu tadbir urus, ketepatan sasaran bantuan dan keberkesanan pelaksanaan masih menjadi cabaran. Oleh itu, kajian lanjut khususnya dalam konteks negeri tertentu seperti Kedah adalah penting bagi menilai sejauh mana agihan zakat benar-benar menyumbang kepada pencapaian objektif *maqasid al-Syariah* khususnya *hifz al-Nasl*.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis dokumen bagi meneliti dasar dan pelaksanaan agihan zakat. Pendekatan ini dipilih kerana analisis dokumen membolehkan penyelidik menilai maklumat yang direkodkan secara rasmi oleh institusi berkaitan serta memahami konteks dasar, peraturan dan pelaksanaan sesuatu program secara sistematik. Kaedah ini juga sesuai digunakan untuk meneliti fenomena pentadbiran dan pengurusan zakat berdasarkan sumber bertulis yang berautoriti.

Data kajian diperoleh daripada beberapa jenis dokumen rasmi yang berkaitan dengan pengurusan zakat (Salinan Dokumen Terkawal, 2019). Antaranya termasuk dokumen dasar berkaitan zakat, garis panduan atau manual pengurusan zakat, laporan tahunan institusi zakat serta laporan atau statistik agihan zakat yang diterbitkan oleh pihak berautoriti. Dokumen-dokumen ini dipilih kerana mengandungi maklumat penting berkaitan dasar, struktur pentadbiran serta pelaksanaan agihan zakat kepada golongan sasaran.

Bagi memastikan data yang dianalisis relevan dengan perkembangan semasa, kajian ini menumpukan kepada dokumen yang diterbitkan pada tahun 2017 sehingga 2021. Dokumen diperoleh melalui sumber rasmi seperti laman sesawang institusi zakat, laporan penerbitan organisasi serta dokumen polisi yang boleh diakses oleh penyelidik. Pemilihan dokumen dilakukan secara persampelan bertujuan berdasarkan kesesuaian kandungan dokumen dengan objektif kajian.

Proses analisis data dijalankan menggunakan pendekatan analisis kandungan kualitatif. Analisis dimulakan dengan proses pengumpulan dan penyaringan dokumen yang relevan, diikuti dengan pembacaan secara menyeluruh bagi memahami konteks kandungan dokumen. Seterusnya, maklumat penting dikenal pasti dan dikodkan sebelum dikelompokkan kepada beberapa tema utama yang berkaitan dengan aspek dasar, mekanisme serta pelaksanaan agihan zakat. Tema-tema ini kemudiannya ditafsirkan bagi menjelaskan dapatan kajian selaras dengan objektif yang telah ditetapkan.

Bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan dapatan kajian, penyelidik menggunakan dokumen rasmi yang diterbitkan oleh institusi yang berautoriti. Selain itu, triangulasi dokumen turut dilakukan dengan membandingkan maklumat daripada pelbagai sumber dokumen yang berbeza. Proses semakan berulang terhadap data juga dilaksanakan bagi memastikan ketepatan tafsiran dan konsistensi dalam analisis yang dijalankan. Pendekatan ini membantu meningkatkan ketelitian serta kredibiliti dapatan kajian.

## ***HIFZ AL-NAFS* DALAM KONTEKS ZAKAT**

*Hifz al-Nasl* merujuk kepada pemeliharaan keturunan dan kelangsungan institusi kekeluargaan yang sejahtera. Ia termasuk aspek menjaga maruah, melindungi keluarga daripada keruntuhan sosial, memastikan pendidikan anak-anak serta menyediakan sokongan kebajikan bagi generasi seterusnya. Dalam kerangka *maqasid al-Syariah*, pemeliharaan keturunan tergolong dalam keperluan *daruriyyat* kerana ia memastikan kelangsungan hidup masyarakat Islam yang berterusan, berdisiplin dan berakhlak.

Dalam konteks agihan zakat, elemen *hifz al-Nasl* diterjemahkan melalui pelbagai skim bantuan umum yang menyokong kesejahteraan keluarga dan anak-anak asnaf (LZKN,2018). Antaranya ialah melalui:

1. Bantuan pendidikan. Zakat disalurkan untuk menanggung kos persekolahan, yuran, peralatan, serta biasiswa pendidikan. Bantuan ini secara langsung memastikan anak-anak asnaf mendapat pendidikan formal yang baik, mengelakkan keciciran sekolah, dan menjamin kelangsungan generasi berilmu.
2. Bantuan perkahwinan. Skim ini diwujudkan bagi membantu pasangan berpendapatan rendah mendirikan rumah tangga. Langkah ini bertujuan mencegah gejala sosial yang berpunca daripada kesukaran berkahwin akibat kekangan kewangan, sekali gus memelihara maruah dan kesinambungan institusi keluarga.
3. Bantuan anak yatim dan ibu tunggal. Golongan ini memerlukan sokongan bagi meneruskan kelangsungan hidup. Zakat berperanan menyediakan bantuan kewangan, kebajikan, dan sokongan sosial agar anak-anak yatim tidak terabai, sementara ibu tunggal dapat membesarkan anak dengan lebih terjamin.
4. Bantuan asas keluarga miskin. Zakat juga diagihkan dalam bentuk makanan, perumahan, dan bantuan kewangan bulanan kepada keluarga yang berada dalam kategori miskin atau fakir. Bantuan ini mengekalkan kelangsungan hidup keluarga agar tidak terdedah kepada keruntuhan akibat tekanan kemiskinan.

Melalui pelaksanaan skim-skim ini, zakat berfungsi bukan sahaja sebagai instrumen ekonomi, tetapi juga sebagai alat sosial yang melindungi keluarga daripada risiko keruntuhan moral, keciciran pendidikan serta gangguan kelangsungan hidup. Hal ini selaras dengan prinsip *fiqh al-Awlan* di mana pemeliharaan keturunan perlu diberikan perhatian segera kerana ia berkait dengan masa depan masyarakat.

Namun, dalam realiti semasa, aplikasi *hifz al-Nasl* melalui zakat masih berdepan cabaran seperti birokrasi, keterbatasan dana, dan kurangnya integrasi dengan institusi pendidikan serta agensi kebajikan lain. Oleh itu, strategi pengagihan zakat perlu ditambah baik dengan menekankan pendekatan holistik dan bersepadu bagi menjamin kelangsungan keturunan serta kesejahteraan masyarakat Islam.

### **ELEMEN *HIFZ AL-NASL* DALAM AGIHAN ZAKAT DI NEGERI KEDAH**

Elemen *hifz al-Nasl* merupakan salah satu daripada objektif utama *maqasid al-Syariah* yang menekankan penjagaan maruah, institusi kekeluargaan dan pembetulan generasi yang sejahtera. Dalam konteks zakat, LZNK turut mengambil kira keperluan ini melalui pelbagai bentuk skim bantuan khusus (LZNK,2021) bagi menyokong institusi kekeluargaan dan pembangunan moral generasi akan datang. Secara keseluruhan, hampir 9 skim bantuan agihan zakat yang telah disediakan oleh LZNK merangkumi kesemua asnaf.

**Jadual 1:** Skim Bantuan Agihan Zakat Kepada Asnaf-Asnaf di LZNK  
Menyokong *Hifz al-Nafs*

Asnaf	Skim Bantuan Agihan Zakat
Fakir	Skim Bantuan Binaan Pusat Penempatan Warga Tua Lain-Lain bantuan fakir (diluar jangkauan)
Miskin	Skim Bantuan Pembinaan Serta Baikpulih Rumah Bantuan Bencana Alam
Amil	-
Mualaf	Projek Perkampungan Mualaf Skim Bantuan Perkahwinan Saudara Baru
<i>Al-Riqab</i>	-
<i>Al-Gharimin</i>	Skim Bayaran Hutang Kos Sewa dan Utiliti
<i>Fi sabilillah</i>	Bantuan Musibah Alam Program Kelestarian Sejagat (Global)
<i>Ibn Sabil</i>	-

Berdasarkan jadual 1, bagi asnaf fakir, miskin, mualaf dan *fi sabilillah* masing-masing menerima 2 skim bantuan di bawah elemen ini. Jumlah skim yang setara bagi keempat-empat kategori asnaf ini menggambarkan usaha LZNK

memberi perhatian terhadap pembangunan keluarga dan kesejahteraan keturunan. Bagi asnaf *al-Gharimin* hanya menerima 1 bentuk bantuan sahaja iaitu skim bayaran hutang kos sewa dan utility yang dapat membantu melindungi keluarga daripada kehilangan tempat tinggal atau kesukaran hidup yang boleh menjejaskan institusi kekeluargaan. Sebaliknya, tiada skim bantuan agihan yang diperuntukan kepada asnaf amil, *al-Riqab* dan *ibn sabil*. Hal ini mungkin disebabkan oleh peranan ketiga-tiga asnaf ini secara tidak langsung berkait dengan struktur kekeluargaan.

Fokus utama penyediaan bantuan ini adalah untuk memastikan institusi keluarga asnaf dapat menjalani kehidupan dengan bermaruah serta melindungi institusi kekeluargaan daripada ancaman sosial, ekonomi dan moral. Bantuan ini lazimnya melibatkan sokongan seperti pendidikan, pembangunan keluarga atau sokongan modal untuk menjaga keharmonian dan keselamatan keturunan. Untuk memastikan keturunan dan keluarga terpelihara, LZNK memberikan bantuan kepada ibu tunggal, anak yatim dan keluarga yang terputus sumber pendapatan. Bantuan ini termasuk sokongan kewangan, perumahan dan keperluan harian. Agihan yang berfokus kepada keluarga bertujuan memastikan struktur keluarga yang sihat dan terjaga serta mengelakkan kemudaratan sosial seperti kemiskinan yang berterusan dari satu generasi ke generasi seterusnya.

Pendekatan LZNK dalam *bifz al-Nafs* menerusi agihan zakat menunjukkan satu strategik yang menyeluruh dan terarah. Tumpuan kepada asnaf fakir, miskin, muafak dan *fi sabilillah* membuktikan bahawa institusi keluarga diberikan keutamaan dalam perancangan agihan zakat. Walaupun terdapat kekangan dalam agihan zakat kepada asnaf lain seperti *al-Gharimin*, pendekatan ini berdasarkan keutamaan (*Awlawiyyat*) iaitu mendahului golongan yang terkesan dan paling memerlukan dalam konteks *bifz al-Nafs* dan kestabilan kekeluargaan Islam.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, elemen *bifz al-Nasl* memainkan peranan yang penting dalam memastikan agihan zakat benar-benar menepati tujuan *maqasid al-Syariah*. Pemeliharaan keturunan melalui sokongan terhadap pendidikan, bantuan perkahwinan, kebajikan anak yatim, dan perlindungan keluarga miskin menggambarkan peranan zakat sebagai instrumen sosial yang bukan sahaja membantu kelangsungan hidup semasa, tetapi juga menjamin masa depan generasi akan datang. Dalam konteks Negeri Kedah, pelaksanaan skim bantuan zakat yang berorientasikan keluarga jelas menunjukkan usaha Lembaga Zakat

Negeri Kedah (LZKN) untuk melindungi maruah, memperkukuh institusi kekeluargaan, dan memastikan kesinambungan generasi yang sejahtera.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kekangan yang dikenal pasti antaranya birokrasi dalam kelayakan permohonan, keterbatasan dana serta kurangnya integrasi strategik dengan agensi pendidikan dan kebajikan lain. Kekangan ini berpotensi menjejaskan keberkesanan zakat sebagai instrumen pemeliharaan keturunan sekiranya tidak ditangani secara menyeluruh.

Sehubungan itu, penambahbaikan dasar dan pelaksanaan perlu dirangka, termasuk memperkukuh kerjasama antara institusi zakat dan agensi berkaitan, memperluas liputan bantuan pendidikan dan kebajikan, serta memperkenalkan program pembangunan keluarga yang lebih bersifat jangka panjang. Dengan langkah ini, elemen *hifz al-Nasl* dapat diperkasakan dalam agihan zakat, sekali gus memastikan bahawa zakat berfungsi sebagai instrumen pembangunan keluarga dan masyarakat Islam yang kukuh dan berterusan.

## PENGHARGAAN

Penghargaan teruntuk kepada Unit Pengurusan Penyelidikan, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS).

## RUJUKAN

- Abu Hamid al-Ghazali. (1993), *Al-Mustasfa min IIm al-Usul*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Abu Ishaq al-Syatibi. (1997), *Al-Muwafaqat fi Usul al-Syariah*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Abu Ishaq al-Syatibi (t.t), *al-Muwafaqat*, Beirut : Dar al-Fikr, jld. 2, h. 10.
- Ahmad Fauzee Abdullah (2004), *Aplikasi Pengurusan Sumber Aset: Analisis Terhadap Harta Zakat di Negeri Perak*, Disertasi Ijazah Sarjana, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Alias, A. (2012), *Peranan zakat dalam pembangunan keluarga dan kesejahteraan ummah*, Jurnal Pengurusan Zakat, 6(1), h. 45–60.
- Dziauddin Sharif (2003), *Sistem Pungutan dan Agihan Zakat Fitrah: Kajian di Baitulmal Negeri Sembilan*, Disertasi Ijazah Sarjana, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Humam Daud (2004), *Kutipan Zakat dan Agibannya: Suatu Kajian di Awal Islam*, Disertasi Ijazah Sarjana, Jabatan Fiqh dan Usul, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

- Ismail, H. ., & Ismail, N. A. . (2022), Empowering Education Among Asnaf Through Distribution Of Zakat From The Perspective Of Maqasid Syariah, *AZKA International Journal of Zakat & Social Finance*, 3 (1), 20-31.
- Lembaga Zakat Negeri Kedah (t.th), Laporan Agihan Dan Kutipan Lembaga Zakat Negeri Kedah 2011-2021, <https://www.zakatkedah.com.my>, dicapai pada 20 April 2023.
- Lembaga Zakat Negeri Kedah (2018), <https://www.zakatkedah.com.my/profil-lzmk/> dicapai pada 21 Ogos 2025.
- Lembaga Zakat Negeri Kedah, Laporan Bajet Agihan Bagi Kumpulan Wang Zakat Tahun 2021.
- M. Umer Chapra (2008), *The Islamic Vision of Development in the Light of Maqasid al-Shariah*. London: The Islamic Foundation.
- Mahayudin Ahmad (2001), *Konsep dan Amalan Pentadbiran Zakat di Negeri Kedah: Kajian Mengikut Enakmen 1955*, Disertasi Ijazah Sarjana, Jabatan Syariah dan Undang-undang, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Muhammad Ridhwan Ab Aziz (2021), *Zakat management and governance in Malaysia: Issues and prospects*, *Journal of Islamic Finance*, 10 (1), h. 89–102.
- Muhammad Saiful Islami Mohd Taher, Samsiah Bidin, Siti Aisyah Yusof, Hapiza Omar, Hanani Ahmad Fuad (2022), *Hubungan Antara Input Pendidikan Dan Proses Pendidikan Dengan Output Pendidikan Pelajar Asnaf Zakat: Kajian Kes Di Maahad Dini Sultan Abdul Halim*, *Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance*; 4 (2), h. 45-52.
- Muhammad Yamin Ismail (2007), *Pelaksanaan Agihan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)*, *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, 1 (2), h. 42-45.
- Mukhlishin, Abdul Wahab, Bambang Setiaji, Magomed Tazhdinov (2024), *Zakat Maal Management and Regulation Practices: Evidence from Malaysia, Turki and Indonesia*, *Journal of Human Rights, Culture and Legal System*, 4 (2), July 2024, pp. 569-592. <https://doi.org/10.53955/jhcls.v4i2.204>
- Norly Marlia Kamaruddina, Nurul Nadiah Abdul Manap, Mohammad Dzarul Hafiz Dol Malek & Mohd Khairy Kamarudin (2024), *Peranan Zakat Dan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi : Kajian Tinjauan Literatur*, *Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance (JIPSF)*, 6 (1), h.1-9.
- Nurul Azma Abu Bakar, Norashidah Hashim, Azizah Othman, Raziah Md Tahir, Mohd Norhaizzat Naim Mohd Azlan (2022), *Sekolah Zakat: Peluang Peningkatan Kualiti Hidup Menerusi Institusi Pendidikan International*

Journal of Islamic Business, 7 (1), h. 60-75. <https://doi.org/10.32890/ijib2022.7.1.5>

- Rafidah Mohd Azlia, Mohd Asyran Safwan Kamaruzzaman, Nursafra Mohd Zhaffar (2024), *Analisis Ekonomi Pelajar: Tinjauan Terhadap Permohonan Zakat Di Uitm Negeri Sembilan*, Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance, 6(1), pp. 94-107.
- Rohani Desa, Masyitoh Mohd Zainon, Muhamad Nasir Mohd Zain, Nor Hayati Md Dahlal (2024), *Fiqh al-Awlanīyyat Dalam Perubahan Corak Agihan Zakat Di Negeri Kedah*, AZKA International Journal of Zakat & Social Finance, 5(2), h. 27-50.
- Rohani Desa, Masyitoh Mohd Zainon, Muhammad Nasir Zain dan Nor Hayati Binti Md Dahlal (2023), *Fiqh al-Awlanīyyat Dalam Perubahan Corak Agihan Zakat Di Negeri Kedah*, Diterbitkan oleh UniSHAMS SDN.BHD, Cetakan, Asa MesraPrinter, Disember 2023.
- Salinan Dokumen Terkawal, Prosedur Kualiti (Teras Agihan), Pengurusan Permohonan Bantuan zakat LZNK-PTA-PK01, MS ISO 9001: 2015, Keluaran 2, 16 Jun 2019.
- Teh Suhaila Tajuddin, Aza Shahnaz Azman & Noraini Shamsuddin (2016), *Impak Agihan Zakat Terhadap Kualiti Hidup Asnaf Di Selangor*, Proceeding of the 2nd International Conference on Economics & Banking 2016 (2nd ICEB), h. 226-237.
- Zulkifli Hasan (2018), *Peranan institusi zakat dalam membantu pembinaan keluarga sejahtera di Malaysia*, Jurnal Syariah, 26(2), h. 213–230.